

**SULIT**

3756/2

Prinsip

Perakaunan

Kertas 2

September

2011

2  $\frac{1}{2}$  jam

Nama : .....

Tingkatan : .....



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH - SEKOLAH MALAYSIA (MPM)  
CAWANGAN KELANTAN**

---

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM  
TINGKATAN LIMA  
2011**

---

**PRINSIP PERAKAUNAN  
KERTAS 2**

Masa : 2 jam 30 minit

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab semua soalan Bahagian A.*
3. *Jawab mana-mana dua soalan daripada Bahagian B.*
4. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan.*

---

**Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak.**

3756/2

**SULIT**

**[Lihat halaman sebelah**

**BAHAGIAN A**  
**[60 MARKAH]**  
*Jawab Semua soalan*

1. Anda dikehendaki menjawab di dalam kertas jawapan sendiri.

(a) Namakan dokumen dan Buku Catatan Pertama bagi urus niaga di bawah.

Urus niaga	Dokumen	Buku Catatan Pertama
Menjual barang niaga kepada Ramlan secara kredit		

[ 2 markah ]

(b) Apakah Akaun yang akan didebitkan dan dikreditkan bagi urus niaga di bawah.

Urus niaga	Akaun didebitkan	Akaun dikreditkan
Mengambil barang niaga untuk didermakan kepada anak yatim		

[ 2 markah ]

(c) Apakah kesan urus niaga berikut terhadap aset dan liabiliti serta ekuiti Pemilik?

Urusniaga	Kesan		
	Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik
Membawa masuk kenderaan peribadi ke dalam perniagaan			

[ 2 markah ]

(d) Kira untung atau rugi atas pelupusan aset berikut:

Nilai Buku Bersih	RM47 600
Susut nilai terkumpul	RM22 400
Harga jualan aset	RM42 500

[ 2 markah ]

(e) Hitungkan gaji bersih Encik Hanafi

Gaji kasar	RM5 270
Elaun Perjalanan	RM 427
Potongan Cukai berjadual bulanan	RM 180

[ 2 markah ]

2. Badrul, Khairul dan Kamal adalah pekongsi dalam Perkongsian Bahtera yang menjalankan perniagaan di bandar Kota Bharu, Kelantan.

Ikatan perkongsian mereka menetapkan perkara berikut:

- (i) Faedah atas modal tetap adalah 5% setahun.
- (ii) Badrul dibayar gaji RM5 000 setahun.
- (iii) Badrul, Khairul dan Kamal berkongsi untung atau rugi dengan nisbah 2:1:1.
- (iv) Perkongsian membuat pinjaman daripada Khairul pada 1 Januari 2011. Faedah atas pinjaman pekongsi ialah 5% setahun.
- (v) Faedah atas ambilan adalah 8% setahun

Berikut ialah baki yang diambil daripada buku-buku perkongsian pada 30 Jun 2011.

	RM
Modal pada 1 Julai 2010:	
Badrul	40 000
Khairul	20 000
Kamal	20 000
Akaun Semasa pada 1 Julai 2010:	
Badrul	2 400
Khairul	1 000 (Dt)
Kamal	2 350
Ambilan:	
Badrul	1 600
Khairul	900
Kenderaan	53 000
Gaji Badrul	3 000
Untung Kasar	30 655
Bank	13 534
Penghutang	5 700
Pemiutang	4 075
Lengkapan	15 499
Sewa	6 500
Kadar bayaran	4 207
Gaji pekerja	5 600
Komisen diterima	1 300
Pinjaman Khairul	6 000
Stok Akhir	16 240

**Maklumat tambahan:**

- (i) Gaji pekerja terakru adalah sebanyak RM400.
- (ii) Komisen diterima terdahulu adalah sebanyak RM500.
- (iii) Penghutang bernilai RM140 telah muflis dan hutangnya dihapuskan sebagai lapuk.
- (iv) Peruntukan hutang ragu 5% atas penghutang diwujudkan.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 30 Jun 2011( termasuk pengasingan untung rugi). [10 markah]
- (b) Akaun Semasa Pekongsi. [4 markah]
- (c) Kunci Kira-kira pada 30 Jun 2011. [9 markah]
- (d) Nyatakan dua perkara yang terdapat dalam Akta Perkongsian 1961 [ 2 markah]

3. Syarikat Delima Sdn Bhd ialah sebuah perniagaan yang mengeluarkan pakaian kanak-kanak. Maklumat berikut dipetik daripada buku perniagaan bagi tahun berakhir 31 Julai 2011.

	RM
Stok pada 1 Ogos 2010:	
Bahan langsung	3 240
Barang siap	5 560
Kerja dalam proses	1 870
Alat tulis	130
Alat-alat kecil	640
Stok pada 31 Julai 2011:	
Bahan langsung	2 975
Barang siap	6 550
Kerja dalam proses	2 492
Alat tulis	225
Alat-alat kecil	450
Duti import belian	3 983
Angkutan keluar	2470
Pulangan masuk	650
Loji dan mesin	140 000
Susut nilai terkumpul Loji dan mesin	14 000
Sewa bangunan	20 150
Upah buruh langsung	23 780
Belian alat tulis	360
Kadarnya: pejabat	850
Kilang	1 330
Lengkapan kilang	5 600
Gaji buruh tak langsung	10 800
Belanja am	3 480
Gaji pejabat	6 600
Diskaun diberi	1 320
Belian bahan langsung	64 508
Insurans	10 200
Bahan bakar kilang	2 458
Susut nilai terkumpulengkapan kilang	2 240

**Maklumat tambahan:**

- i. Gaji buruh tak langsung termasuk gaji pejabat RM1 500
- ii. Belian bahan langsung berjumlah RM3 240 belum dicatatkan
- iii. Sewa terdahulu RM1 550. Sewa dibahagikan di antara kilang dan pejabat dengan nisbah 5 : 1
- iv. Angkutan masuk RM1 520 tersalah catat sebagai angkutan keluar
- v. Loji dan Mesin disusut nilaikan 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan
- vi. Belanja am kilang ialah 60% daripada jumlah belanja am.
- vii. Lengkapan kilang disusut nilaikan 20% setahun atas kos.
- viii. Satu pertiga daripada Insurans adalah untuk pejabat.
- ix. Upah buruh langsung terakru RM2 200.

a) Sediakan Penyata Kos Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Julai 2011.

[ 21 markah ]

b) Terangkan maksud kerja dalam proses

[ 2 markah ]

c) Bezakan di antara kos berubah dan kos tetap

[ 2 markah ]

**BAHAGIAN B**  
**[ 40 MARKAH ]**  
*( Jawab mana-mana DUA soalan )*

4. Wan Kreatif Sdn Bhd mengeluarkan pelbagai jenis barangan cenderamata. Syarikat bercadang mengeluarkan barangan cenderamata berasaskan seramik bagi memenuhi pasaran semasa

Berikut adalah kos yang terlibat dalam pengeluaran 6 000 unit barangan :

Alatan melukis	14 000
Dakwat melukis	5 000
Sewa premis	6 000
Upah langsung	18 000
Bahan mentah	18 000

Harga jualan adalah RM13.00 seunit

- a) Anda dikehendaki menghitung
- i) kos berubah seunit [3 markah]
  - ii) kos tetap [1 markah]
  - iii) Titik Pulang Modal [3 markah]
- b) Berapa banyakkah unit yang perlu dikeluarkan jika untung sasaran adalah RM5 400 [4 markah]
- c) Berdasarkan data asal dan dengan andaian harga jualan meningkat sebanyak RM1.50, anda dikehendaki menplotkan graf TPM.  
 gunakan skala    paksi x - 1 cm = 500 unit  
                           paksi y - 1 cm = RM5 000 [4 markah]
- d) Berdasarkan graf :
- i) Lorekkan kawasan keuntungan dan kerugian
  - ii) Nyatakan Titik Pulang Modal dalam unit dan RM
  - iii) Tunjukkan untung/rugi jika perniagaan mengeluarkan 4 000 unit. [5 markah]

5. Pn. Hakimah merupakan pemilik Hakimah Enterprise, seorang peruncit yang merekod maklumat perniagaannya tanpa menggunakan sistem catatan bergu. Berikut merupakan maklumat yang diperoleh daripada Hakimah Enterprise:

- i. Baki-baki aset dan liabiliti pada:

	1 Januari 2011	30 Jun 2011
	RM	RM
Premis	40 000	?
Alatan Kedai	3 800	4 200
Perabot	5 700	5 700
Stok	16 500	15 890
Penghutang	2 700	3 100
Pemiutang	7 870	8 600
Insurans terdahulu	160	-
Gaji terakru	200	-
Kadar bayaran terakru	400	470
Bank	4 880	8 990

- ii. Pn. Hakimah telah menggunakan wang milik peribadinya sebanyak RM14 000 untuk membayar belanja mengubahsuai premis perniagaan.
- iii. Sepanjang tempoh tersebut beliau telah mengeluarkan tunai sebanyak RM870 untuk membayar sewa rumah kediamannya dan juga mengambil barang-barang bernilai purata RM250 sebulan.
- iv. Seorang penghutang yang jumlah hutangnya RM120 telah meninggal dunia dan hutangnya dihapuskan sebagai hutang lapuk.
- v. Alatan kedai disusutnilaikan sebanyak 10% setahun atas kos.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- a) Penyata mengira modal pada 30 Jun 2011. [ 6 markah ]
- b) Penyata mengira untung atau rugi bagi setengah tahun berakhir 30 Jun 2011. [ 6 markah ]
- c) Kunci Kira-Kira pada 30 Jun 2011. [ 8 markah ]

6. a) Maklumat berikut di ambil daripada buku perniagaan Pembekal Airbatu Kristal. Tempoh perniagaannya adalah dari 1 Januari hingga 31 Disember setiap tahun.

<u>2010</u>		<u>RM</u>
Jan 1	Baki alat-alat kecil	230
Jul 2	Beli alat-alat kecil dengan cek	640
Okt 1	Belian alat-alat kecil dengan tunai	350
Dis 31	Baki alat-alat kecil	210

Anda dikehendaki menyediakan:

- i) Akaun Alat-alat Kecil [ 5 markah ]  
 ii) Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2010. [ 1 markah ]  
 iii) Nyatakan kaedah susut nilai di atas. [ 1 markah ]

- b) Puan Alifah adalah pemilik perniagaan Alifah Enterprise. Butir-butir berikut telah diambil daripada perniagaan Alifah Enterprise pada 30 Jun 2011.

Kunci Kira-kira pada 30 Jun 2010			
Aset Semasa	RM	Liabiliti Semasa	RM
		Kadar bayaran terakru	130

Buku Tunai ( ruangan bank )			
	RM		RM
Komisen diterima	2 630	Kadar bayaran	3 500

Maklumat tambahan:

- i) Kadar bayaran terdahulu pada akhir tempoh perakaunan RM500.  
 ii) Komisen masih belum diterima pada akhir tempoh perakaunan RM370.

Anda dikehendaki menyediakan:

- a) Akaun Kadar bayaran [ 5 markah ]  
 b) Akaun Komisen diterima [ 4 markah ]  
 c) Tunjukkan catatan dalam Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2011. [ 2 markah ]  
 d) Tunjukkan catatan dalam Kunci Kira-kira pada 30 Jun 2011. [ 2 markah ]

\*\*\*\*\*SOALAN TAMAT\*\*\*\*\*



